




Masa Bercerita

Pokok Kacang Ajaib





Pokok Kacang Ajaib



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



Jack seorang budak miskin. Dia tinggal bersama-sama ibunya di sebuah kampung.

Suatu hari, ibu Jack berkata, “Anakku, makanan kita sudah habis. Pergilah jual lembu kita di pekan.”

Jack pun membawa lembunya ke pekan. Dalam perjalanan, Jack bertemu dengan seorang lelaki tua.

“Wahai budak, ke mana kamu hendak bawa lembu kamu ini?” tanya lelaki tua itu.

“Saya hendak menjual lembu ini di pekan,” jawab Jack.

“Berikan lembu kamu itu kepada saya. Sebagai ganti, saya akan memberikan kacang ajaib ini kepada kamu,” kata lelaki tua itu lagi.





“Kacang ajaib?” Tanpa berfikir panjang, Jack pun bersetuju.

Jack pulang ke rumah dengan senang hati.

“Kamu telah jual lembu kita?” tanya ibu Jack apabila melihat Jack berlari pulang. “Mana wangnya?”

Jack pun menceritakan apa yang berlaku.

“Apa? Kamu tukarkan lembu kita dengan beberapa biji kacang?” kata ibu Jack dengan marah. “Kita perlukan wang untuk membeli makanan, bukan kacang yang tak berguna ini!” marah ibu Jack lagi sambil mencampakkan kacang-kacang itu keluar tingkap.





Oleh sebab tidak ada makanan di rumah itu, Jack tidur dalam keadaan perut yang lapar.

Keesokan harinya, Jack bangun agak lewat. Dia merasakan sudah terlalu lama dia tidur, akan tetapi keadaan biliknya masih gelap. Jack berasa hairan lalu melihat ke luar tingkap. Alangkah terkejutnya Jack apabila mendapati sebatang pokok kacang yang besar menjalar di luar biliknya. Pokok itu menjulang tinggi ke angkasa.





“Setinggi mana agaknya pokok ini,” kata Jack kagum. Jack pun memanjat pokok kacang itu. Jack sangat hairan kerana walaupun sepanjang hari dia memanjat pokok itu, namun dia masih belum sampai ke pucuknya.

Setelah beberapa lama memanjat, akhirnya Jack sampai ke bahagian atas pokok. Dia melihat awan di sekelilingnya. Tiba-tiba Jack terpandang sebuah istana kota. Jack pun pergi ke istana itu dan mengetuk pintunya. Seorang perempuan gergasi membuka pintu itu.





“Maafkan saya, puan,” kata Jack. “Saya sangat letih dan lapar. Bolehkah saya berehat di sini?”

“Tidak boleh, budak,” jawab gergasi itu.
“Saya bimbang suami saya akan menangkap dan memakan kamu!”

“Tolonglah! Untuk malam ini sahaja,” rayu Jack. “Hari sudah gelap. Saya tidak nampak jalan pulang.”

Gergasi itu kasihan kepada Jack. Dia pun membenarkan Jack bermalam di istana itu. Selepas makan malam, gergasi menyembunyikan Jack di bawah katil.





Setelah larut malam, Jack terdengar bunyi hentakan kaki yang kuat. DUM! DUM! DUM! Jack kemudian terdengar suatu suara yang sangat bengis.

“Saya terbau manusia. Ada manusia datang ke sinikah?” tanya gergasi itu.

“Tidak ada!” jawab isteri gergasi. Dia kemudian menghidangkan makan malam.

Selepas makan, gergasi mengeluarkan seekor ayam betina. Dia meletakkan ayam itu di atas meja dan berkata, “Bertelurlah!” Tiba-tiba ayam itu mengeluarkan sebiji telur emas yang besar. Gergasi mengambil telur itu dan memasukkannya ke dalam sebuah bakul. Tidak lama kemudian, gergasi yang keletihan itu tertidur.





Apabila mendapati gergasi telah tidur, perlahan-lahan Jack mengambil ayam gergasi. Dia kemudian berlari keluar dari istana itu ke arah pokok kacangnya. Dia turun dari pokok kacang itu dan pulang ke rumah.

Setiba di rumah, Jack menunjukkan ayam ajaib itu kepada ibunya. Ibu Jack sangat gembira.

“Ayam ajaib ini dahulu kepunyaan datuk kamu, tetapi telah dicuri oleh gergasi,” kata ibu Jack. “Sekarang kita tidak akan hidup susah lagi.”





Suatu hari, Jack memanjat pokok kacang ajaib sekali lagi. Jack kemudian pergi ke istana gergasi dan merayu kepada isteri gergasi supaya membenarkannya bermalam di istana itu. Sekali lagi, apabila hari larut malam, suami gergasi pulang.

“Saya terbau manusia. Adakah manusia datang ke sini?” tanya gergasi itu dengan bengis.

“Tidak ada!” kata isteri gergasi.

Selepas makan malam, gergasi mengeluarkan tiga buah karung berisi wang emas. “Ha! Ha! Ha! Saya ada banyak wang emas,” kata gergasi sambil mengira wang emasnya.





Apabila gergasi tidur, Jack mengambil karung wang emas gergasi dan berlari pulang. Ibu Jack sangat gembira melihat Jack membawa wang emas.

“Wang emas ini dahulu kepunyaan nenek kamu, tetapi telah dicuri oleh gergasi,” kata ibu Jack.

Dengan adanya wang emas itu, Jack dan ibunya hidup senang-lenang. Keesokan hari, Jack pergi lagi ke istana gergasi. Kali ini isteri gergasi tidak membenarkan Jack bermalam di istana itu. Tetapi Jack berjaya masuk ke istana itu secara sembunyi-sembunyi dan menyorok di belakang pintu.





Pada malam itu, gergasi pulang ke rumah seperti biasa. Selepas makan malam, gergasi mengeluarkan sebuah kecapi dari dalam bajunya.

“Bernyanyilah!” kata gergasi. Tiba-tiba kecapi itu berbunyi dengan sendirinya. Tidak lama kemudian, gergasi tertidur.

Apabila melihat gergasi sudah tidur, Jack pun keluar dari tempat persembunyiannya dan mengambil kecapi gergasi. Dia kemudian berlari dengan sekuat-kuat hati ke pokok kacangnya. Malangnya gergasi terjaga. Apabila dia melihat Jack, dia pun berteriak.

“Pencuri! Kembalikan kecapi itu!”





Jack turun dari pokok kacang. Gergasi mengejar Jack dari belakang.

“Ibu! Ibu!” teriak Jack apabila dia tiba di bawah. “Tolong ambilkan kapak!”

Ibu Jack mengambil kapak dan memberikan kapak itu kepada Jack. Tanpa berlengah, Jack pun menebang pokok kacang itu. Apa lagi, gergasi yang berada di atas pokok pun jatuh ke bawah lalu mati.

Sejak itu, Jack dan ibunya hidup senang-senang dan aman damai.



Masa Uji Minda

[A] Jawab soalan di bawah.

1. Mengapakah ibu Jack menyuruh Jack menjual lembu mereka di pekan?
2. Apakah benda yang ditukarkan oleh Jack dengan lembunya?
3. Bagaimanakah pokok kacang ajaib boleh tumbuh di rumah Jack?
4. Apakah benda yang diambil oleh Jack daripada gergasi?
5. Bagaimanakah gergasi mati?

[B] Cari perkataan dalam petak huruf berdasarkan klu yang diberi.

B	A	Y	A	H	D	E	I	H	K
C	Y	L	I	S	T	A	N	A	O
Q	A	U	V	M	I	S	K	I	N
F	M	G	K	E	C	A	P	I	J

1. Lawan ibu
2. Sejenis alat muzik
3. Tidak mempunyai atau hanya mempunyai sedikit harta atau wang.
4. Tempat tinggal gergasi.
5. Boleh bertelur.